



**GARIS PANDUAN
PENUBUHAN DAN PENGURUSAN ENTITI PENYELIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

ISI KANDUNGAN

1.	<i>PENDAHULUAN</i>	<i>2</i>
2.	<i>TERMARUJUKAN ENTITI PENYELIDIKAN.....</i>	<i>3</i>
3.	<i>KRITERIA PENUBUHAN ENTITI PENYELIDIKAN</i>	<i>5</i>
4.	<i>PROSEDUR PENUBUHAN ENTITI PENYELIDIKAN.....</i>	<i>6</i>
5.	<i>PERUNTUKAN KEWANGAN ENTITI PENYELIDIKAN</i>	<i>7</i>
6.	<i>TERMARUJUKAN PELANTIKAN KETUA ENTITI PENYELIDIKAN</i>	<i>9</i>
7.	<i>BIDANG KUASA PENGARAH/KETUA ENTITI PENYELIDIKAN.....</i>	<i>11</i>
8.	<i>TERMARUJUKAN PELANTIKAN AHLI DAN FELO PENYELIDIK</i>	<i>13</i>
9.	<i>KELAYAKAN AHLI DAN FELO PENYELIDIK</i>	<i>14</i>
9.1	<i>Ahli Penyelidik (AP).....</i>	<i>14</i>
9.2	<i>Felo Penyelidik (FP)</i>	<i>14</i>
10.	<i>TUGAS-TUGAS AHLI DAN FELO PENYELIDIK.....</i>	<i>15</i>
11.	<i>KEMUDAHAN DAN SYARAT-SYARAT LANTIKAN AHLI DAN FELO PENYELIDIK</i>	<i>16</i>
11.1	<i>Ahli Penyelidik (AP)</i>	<i>16</i>
11.2	<i>Felo Penyelidik (FP)</i>	<i>16</i>
12.	<i>PENAMATAN PERLANTIKAN AHLI DAN FELO PENYELIDIK.....</i>	<i>17</i>
13.	<i>PENILAIAN PRESTASI ENTITI PENYELIDIKAN</i>	<i>18</i>

1. PENDAHULUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan kepada pihak pengurusan dan penyelidik Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam merancang dan melaksanakan penubuhan serta pengurusan entiti Penyelidikan.

1.1 Definisi Pusat Kecemerlangan Penyelidikan UMS

- a. Pusat kecemerlangan Penyelidikan adalah entiti penyelidikan yang telah mencapai tahap kecemerlangan dalam penyelidikan dan diiktiraf oleh Universiti Malaysia Sabah.
- b. Pusat Kecemerlangan Penyelidikan boleh ditubuhkan dalam sebuah disiplin atau merentas disiplin.

Nama Entiti Penyelidikan	Status	Definisi
Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (CoE)	UMS	Pusat Kecemerlangan (<i>Centre of Excellence, CoE</i>) merupakan entiti penyelidikan yang turut menawarkan perkhidmatan dan libatsama komuniti yang mendapat pengiktirafan oleh Senat, LPU dan KPT.
Pusat Penyelidikan (RC)	UMS	Pusat Penyelidikan memfokuskan kepada bidang penyelidikan khusus di samping menawarkan perkhidmatan yang telah dikenalpasti oleh Universiti.
Makmal Penyelidikan Diiktiraf (RRL)	UMS	Makmal Penyelidikan dengan bidang khusus disamping menawarkan perkhidmatan yang telah diberi pengiktirafan oleh pihak luar yang berkaitan di bawah Fakulti atau Pusat Penyelidikan (RC).
Makmal Penyelidikan (RL)	FAPI	Makmal Penyelidikan dengan bidang khusus yang telah diberi pengiktirafan oleh Universiti di bawah Fakulti atau Pusat Penyelidikan (RC).
Kumpulan Penyelidikan	FAPI	Kumpulan Penyelidikan terdiri daripada beberapa penyelidik yang khusus kepada bidang penyelidikan yang telah dikenalpasti oleh Fakulti/Akademi.

2. TERMA RUJUKAN ENTITI PENYELIDIKAN

2.1 Penubuhan setiap entiti penyelidikan secara *bottom up* sebelum diiktiraf sebagai sebuah Pusat Kecemerlangan Penyelidikan di Universiti perlulah mengikuti terma rujukan dengan kriteria-kriteria minimum seperti berikut sebelum ianya dapat dipertimbangkan untuk kelulusan:

		Makmal Penyelidikan Diiktiraf (RRL)	Pusat Penyelidikan (RC)	Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (CoE)
Kriteria	Jumlah penyelidik (Staf akademik sepenuh masa berjawatan tetap-pakar dalam bidang)	≥5 orang	≥10 orang	≥20 orang
	Jumlah dana luar diperolehi dalam tempoh setahun pada masa permohonan	≥RM 50,000	≥RM 500,000	≥RM 1 juta
	Ruang & Fasiliti	Makmal dan Peralatan di Fakulti/Akademi	Makmal dan Peralatan di PTJ sendiri	Makmal dan Peralatan di PTJ sendiri
	Jangkamasa	Sekurang-kurangnya 1 tahun sebagai kumpulan penyelidik di Fakulti/Akademi	Sekurang-kurangnya 4 tahun sebagai Makmal Penyelidikan Diiktiraf (RRL) dengan pengiktiran 4 bintang MyRA pada tahun sebelum permohonan	Sekurang-kurangnya 5 tahun sebagai Pusat Penyelidikan (RC) dengan pengiktiran 6 bintang MyRA pada tahun sebelum permohonan

2.2 Penubuhan entiti penyelidikan secara **top down** sebelum diiktiraf sebagai sebuah Pusat Kecemerlangan Penyelidikan di Universiti adalah berlandaskan kepada terma rujukan seperti di bawah. Namun, ianya tertakluk kepada keputusan Pegurusan Tertinggi UMS.

Kriteria		Pusat Penyelidikan (RC)	Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (CoE)
	Jumlah penyelidik (Staf akademik sepenuh masa berjawatan tetap-pakar dalam bidang)	≥4 orang	≥5 orang
	Ruang & Fasiliti	Makmal dan Peralatan di PTJ sendiri	Makmal dan Peralatan di PTJ Sendiri

2.3 Sebagai sebuah entiti penyelidikan, skop dan aktiviti entiti tersebut adalah seperti berikut:

- a. Menjana dan menyebarkan ilmu baharu melalui aktiviti penerbitan yang berkualiti tinggi.
- b. Menyediakan ilmu asas untuk penyelidikan gunaan dan pembangunan teknologi melalui latihan, inovasi dan pembangunan prototaip produk.
- c. Membangunkan bakat untuk keperluan negara.
- d. Menjaringkan kolaborasi penyelidikan dengan pelbagai pihak termasuklah luar negara.
- e. Menjadi pusat rujukan berdasarkan nic dan fokus kajian.
- f. Mempertingkatkan daya saing penyelidikan dengan pemerolehan geran luar.

3. KRITERIA PENUBUHAN ENTITI PENYELIDIKAN

3.1 Bagi menubuhkan sesebuah entiti penyelidikan di Universiti secara *bottom up*, kriteria-kriteria berikut dalam tempoh setahun apabila permohonan dibuat perlulah dipenuhi sebelum sesuatu permohonan itu boleh dipertimbangkan di peringkat Fakulti/Akademi ataupun Universiti.

KRITERIA	PERINGKAT FAKULTI/AKADEMI		PERINGKAT UNIVERSITI		
	Kumpulan Penyelidikan	Makmal Penyelidikan (RL)	Makmal Penyelidikan Diiktiraf (RRL) (RSL)	Pusat Penyelidikan (RC)	Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (CoE) (Institut)
Bil. Penerbitan WOS/SCOPUS/ERA	≥6	≥15	≥20	≥40	≥80
Geran aktif (Kebangsaan /Swasta /Antarabangsa)	≥RM 50K	≥RM 250K	≥RM 500k	≥RM1 Juta	≥RM 2 Juta
Kolaborasi (RA/MOA)	Tidak perlu	≥1	≥3	≥10	≥20
Pascasiswazah (MSc/PhD)	≥1 MSc	≥3 MSc ≥3 PhD	≥5 MSc ≥5 PhD	≥20 MSc ≥10 PhD	≥40 MSc ≥20 PhD
Perundingan /Perkhidmatan/ Penjanaan /Pengkomersialan (dalam RM)	Tidak perlu	≥RM 100k	≥RM 200K	≥RM 500K	≥RM 1 Juta
Bil. Kumpulan penyelidikan (RG) dengan geran penyelidikan	Tidak perlu	≥2 RG	≥3 RG	≥2 RL	≥4 RL
Bil. Ahli	≥3	≥5	≥5	≥10	≥20
Jangka Masa	Tiada	Tiada	Tiada	3-5 Tahun	5-7 Tahun

2.4 Bagi penubuhan pusat penyelidikan (RC) sebagai entiti penyelidikan di Universiti secara *top down*, kriteria-kriteria berikut adalah garis panduan tetapi keputusan penubuhan tertakluk kepada keputusan Pegurusan Tertinggi UMS. Kriteria-kriteria ini diambil kira berdasarkan kepada cadangan senarai ahli-ahli pusat penyelidikan dalam tempoh lima tahun sebelumnya pada masa permohonan dibuat.

KRITERIA	Pusat Penyelidikan (RC)	Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (CoE) (Institut)
Bil. Penerbitan WOS/SCOPUS/ERA	≥40	≥80
Geran aktif (Kebangsaan /Swasta /Antarabangsa)	≥RM1 Juta	≥RM 2 Juta
Pascasiswazah (MSc/PhD)	≥20 MSc ≥10 PhD	≥40 MSc ≥20 PhD
Bil. Kumpulan penyelidikan (RG) dengan geran penyelidikan	≥2 RL	≥4 RL
Bil. Ahli	≥10	≥20

4. PROSEDUR PENUBUHAN ENTITI PENYELIDIKAN

- 4.1 Penubuhan entiti penyelidikan di UMS secara **bottom up** haruslah bermula sebagai kumpulan penyelidik dan akan dipertimbangkan untuk dinaiktaraf menjadi Makmal Penyelidikan (RL), Makmal Penyelidikan Diiktiraf (RRL), Pusat Penyelidikan (RC) sebelum dinaiktaraf menjadi Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (CoE) apabila memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.
- 4.2 Penamaan sesebuah entiti penyelidikan haruslah mengambilkira fungsi utama entiti tersebut samada penyelidikan atau perkhidmatan. Sebagai contohnya, sekiranya fungsi utama sesebuah entiti penyelidikan tersebut ialah penyelidikan namanya perlu bermula sebagai Makmal Penyelidikan, Pusat Penyelidikan atau Institut Penyelidikan.
- 4.3 Permohonan penubuhan entiti penyelidikan UMS samada secara **bottom up** mahupun **top down** perlu dikemukakan menggunakan Borang Permohonan Penubuhan entiti penyelidikan UMS berserta kertas kerja penubuhan.
- 4.4 Penubuhan Kumpulan Penyelidikan (RG) dan Makmal Penyelidikan (RL) hanyalah perlu diluluskan di peringkat Mesyuarat Eksekutif dipengerusikan oleh Dekan Fakulti/Akademi manakala penubuhan Makmal Penyelidikan Diiktiraf (RRL), Pusat Penyelidikan (RC) dan Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (CoE) perlulah dikemukakan oleh Dekan Fakulti/Akademi atau Pengarah Pusat Penyelidikan (RC) kepada Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi (JKPI) sebelum ke mesyuarat senat dan LPU Universiti. Bagi permohonan Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (CoE) ianya perlu dibawa ke Kementerian Pengajian Tinggi bagi pertimbangan dan kelulusan sebelum ianya diistihar sebagai Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (CoE).

5. PERUNTUKAN KEWANGAN ENTITI PENYELIDIKAN

5.1 Kumpulan Penyelidikan (RG), Makmal Penyelidikan (RL) dan Makmal Penyelidikan Diiktiraf (RRL) bukan bersifat PTJ manakala Pusat Penyelidikan (RC) dan Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (CoE) adalah bersifat PTJ sendiri. Penutupan Pusat Kecemerlangan Penyelidikan akan dibuat sekiranya terdapat pusat yang tidak mencapai KPI yang ditetapkan bagi mengelakkan pembaziran peruntukan kewangan.

5.2 Peruntukan pengurusan mengurus entiti penyelidikan adalah seperti berikut:

<i>Bottom up</i>			
Bukan-PTJ		PTJ	
Kumpulan Penyelidikan (RG)	Tiada sumber dalam dana pengurusan. Pengurusan adalah menggunakan dana-dana luar yang diperolehi	Pusat Penyelidikan (RL)	Boleh dipertimbangkan untuk bantuan dana pengurusan dari Universiti sekiranya mempunyai pencapaian berikut selepas setahun penubuhan: MyRA 5* = RM 50K 6* = RM 100K
Makmal Penyelidikan (RL)	Tiada sumber dalam dana pengurusan. Pengurusan adalah menggunakan dana-dana luar yang diperolehi	Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (CoE)	Boleh dipertimbangkan untuk bantuan dana pengurusan dari Universiti sekiranya mempunyai pencapaian berikut selepas setahun penubuhan: MyRA 5* = RM 100K 6* = RM 200K
Makmal Penyelidikan Diiktiraf (RRL)	Boleh dipertimbangkan untuk bantuan dana pengurusan dari Universiti sekiranya mempunyai pencapaian berikut selepas setahun penubuhan: MyRA 4* = RM 15K 5* = RM 25K 6* = RM 50K		

Top down

Pusat Penyelidikan (RC)	Boleh dipertimbangkan untuk bantuan dana pengurusan dari Universiti sekiranya mempunyai pencapaian berikut selepas setahun penubuhan: MyRA 4* = RM 15K 5* = RM 50K 6* = RM 100K	Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (CoE)	Boleh dipertimbangkan untuk bantuan dana pengurusan dari Universiti sekiranya mempunyai pencapaian berikut selepas setahun penubuhan: MyRA 5* = RM 100K 6* = RM 200K
-------------------------	---	--	---

6. TERMA RUJUKAN PELANTIKAN KETUA ENTITI PENYELIDIKAN

6.1 Pengarah Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (CoE) perlu dilantik di kalangan ahli akademik dengan memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:

No.	Syarat Kelayakan	Penyelidikan	
		S&T	SS
1.	Pengalaman dalam pentadbiran (sekurang-kurangnya Ketua Program dan ke atas)	≥ 5 tahun	≥ 5 tahun
2.	H-index	≥10 (Scopus)	≥4 (Scopus)
3.	Jumlah penerbitan (semua jenis terindeks dalam Scopus/WOS)	≥30	≥12
4.	Jumlah penerbitan dalam 5 tahun terkini (semua jenis terindeks dalam Scopus/WOS)	≥15	≥5
5.	Jumlah geran aktif semasa	≥RM50k (Kebangsaan/ Antarabangsa/ Swasta)	≥RM50k (Kebangsaan / Antarabangsa/ Swasta)
6.	Jumlah geran terkumpul	≥RM250k (Kebangsaan/ Antarabangsa/Swasta)	≥RM100k (Kebangsaan/ Antarabangsa/ Swasta)
7.	Jaringan kerjasama	Pernah menjadi sekurang-kurangnya satu PIC untuk MOU/MOA/Joint Grant/RA	

6.2 Kuasa perlantikan ke atas Ketua entiti penyelidikan adalah seperti berikut:

No.	Kategori Entiti Penyelidikan	Ketua	Dilantik	Kelayakan Elaun DH
1	Kumpulan Penyelidikan (RG)/ Makmal Penyelidikan (RL)/ Makmal Penyelidikan Diiktiraf (RRL)	Ketua	Dekan/Pengarah	Tiada Elaun
2	Pusat Penyelidikan (RC)	Pengarah	Naib Canselor	Kadar sama seperti yang diterima oleh Timbalan Dekan Fakulti
3	Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (CoE)	Pengarah	Naib Canselor	Kadar sama seperti yang diterima oleh Dekan Fakulti

7. BIDANG KUASA PENGARAH/KETUA ENTITI PENYELIDIKAN

7.1 Bidang kuasa Pengarah/ketua entiti penyelidikan adalah seperti berikut:

- a. Bidang kuasa hanya melibatkan operasi dan tidak berkaitan dengan polisi.
- b. Keputusan kewangan tertakluk kepada Jawatankuasa Mesyuarat Eksekutif.

7.2 Fungsi dan tanggung jawab seorang Pengarah/Ketua entiti penyelidikan adalah seperti berikut :

- a. Melaksana dan mengawalselia pencapaian, misi dan objektif entiti penyelidikan yang selaras dengan Falsafah, Misi dan Objektif Universiti.
- b. Melaksana, mengurus dan mengawalselia polisi, peraturan, kaedah perjawatan dan perkhidmatan staf, belanjawan entiti penyelidikan yang berkuatkuasa seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti.
- c. Melaksana, mengurus dan mengawalselia polisi, peraturan, kaedah yang berkaitan dengan program pengajian akademik, prasiswazah dan pascasiswazah, pengajaran, pembelajaran seperti yang telah ditetapkan oleh Senat.
- d. Merancang, mengurus dan mengawalselia pengkuliahan, subjek dan silibus pengajian, tugas tenaga pengajar, keperluan alatan pengajaran dan mutu pengajaran dan pembelajaran.
- e. Merancang, mengurus dan mengawalselia aktiviti penyelidikan. Mengagihkan peruntukan belanjawan mengikut pelan strategik, keutamaan penyelidikan serta menetapkan kualiti penyelidikan.
- f. Merancang, mengurus dan mengawalselia aktiviti penulisan dan penerbitan. Ini termasuk penerbitan buku, jurnal, mimeografi, kertas tak berkala, laporan teknikal dan sebagainya, di samping mengawal mutu dan kualiti bahan yang diterbitkan.
- g. Mengurus dan mengawalselia aktiviti perundingan dan khidmat sosial staf akademik
- h. Mengurus dan mengawalselia rekod harian staf seperti cuti dan yang berkaitan, penilaian staf untuk kenaikan pangkat, gaji serta pemajuan staf.

- i. Mengurus dan mengawalselia disiplin pelajar serta proses pemajuan pelajar dari segi akademik dan aktiviti ko-kurikulum.
- j. Merancang, mengurus dan mengawalselia pengambilan, penyimpanan rekod pelajar, staf, peperiksaan pelajar dan staf.
- k. Merancang, mengurus penyediaan dan pengawalan belanjawan entiti penyelidikan.
- l. Merancang, mengurus dan mengawalselia pembelian peralatan pengajaran, penyelidikan entiti penyelidikan.
- m. Mengurus dan mengawalselia penyediaan penerbitan Laporan Tahunan dan Laporan Kewangan Entiti Penyelidikan.
- n. Merancang, mengurus dan mengawalselia aktiviti mengadakan serta menghadiri persidangan, bengkel dan seminar yang berkaitan dengan staf entiti penyelidikan.
- o. Merancang, mengurus dan mengawalselia program latihan dan pemajuan staf tenaga sumber akademik dan bukan akademik entiti penyelidikan.
- p. Menjalankan tugas-tugas akademik seperti pengajaran, penyeliaan pelajar, prasiswazah dan pasca siswazah, penyelidikan, penulisan dan pemberian khidmat sosial dan rundingan.
- q. Mengurus dan mengawalselia bangunan entiti penyelidikan seperti kebersihan, suasana dan yang berkaitan.
- r. Menjadi Pengerusi Jawatankuasa-Jawatankuasa Utama entiti penyelidikan.
- s. Mengurus dan mengawalselia pentadbiran harian staf akademik dan sokongan seperti disiplin, cuti, kenaikan gaji dan pangkat, produktiviti kerja dan kebajikan staf.
- t. Menjalankan tugas-tugas yang ditetapkan oleh Naib Canselor dari masa ke semasa.

8. TERMA RUJUKAN PELANTIKAN AHLI DAN FELO PENYELIDIK

8.1 Perlantikan ahli dan felo penyelidik dalam entiti penyelidikan adalah menggunakan definisi seperti berikut:

Ahli Penyelidik (AP)	Merupakan pensyarah/penyelidik yang dilantik di kalangan ahli akademik dari dalam UMS
Felo Penyelidik (FP)	Merupakan penyelidik yang dilantik dikalangan ahli akademik dan tenaga pakar dari luar UMS

8.2 Kaedah-kaedah perlantikan Ahli Penyelidik (AP) dan Felo Penyelidik (FP) adalah mengikut kategori-kategori entiti penyelidikan seperti berikut:

	FAKULTI/AKADEMI		UMS		
	Kumpulan Penyelidikan (RG)	Makmal Penyelidikan (RL)	Makmal Penyelidikan Diiktiraf (RRL)	Pusat Penyelidikan (RC)	Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (CoE)
Lantikan Felo/Ahli Penyelidik	Oleh Dekan Fakulti/Akademi atau Pengarah Pusat dimana ianya bernaung		Oleh TNC P&I Melalui syor daripada Dekan Fakulti/Akademi atau Pengarah Pusat		
Kelulusan	Mesyuarat Eksekutif Fakulti/Akademi/Pusat		Perlantikan hanya perlu dimaklumkan kepada JKPI sahaja		
Tempoh Lantikan	1-3 Tahun (Tertakluk kepada persetujuan kedua-dua pihak)				
Penamatan	Boleh ditamatkan pada bila-bila masa oleh Dekan/Pengarah/TNC P&I				

9. KELAYAKAN AHLI DAN FELO PENYELIDIK

9.1 Ahli Penyelidik (AP)

- a. Calon hendaklah terdiri daripada kakitangan akademik UMS.
- b. Calon hendaklah mempunyai kepakaran dalam bidang tujahan sesuatu entiti penyelidikan.
- c. Calon hendaklah telah terlibat secara langsung di Fakulti/Akademi/Pusat asalnya dengan projek penyelidikan yang berkaitan bidang tujahan penyelidikan entiti penyelidikan dimana ianya dilantik.

9.2 Felo Penyelidik (FP)

- a. Calon hendaklah terdiri daripada kakitangan akademik di luar UMS dan dari mana-mana organisasi dari dalam dan luar Negara atau mana-mana individu yang difikirkan sesuai oleh universiti bagi tujuan lantikan ini.
 - b. Calon hendaklah mempunyai kepakaran dalam bidang tujahan sesuatu entiti penyelidikan.
 - c. Calon hendaklah telah terlibat secara langsung di Fakulti/Akademi/Pusat asalnya dengan projek penyelidikan yang berkaitan bidang tujahan penyelidikan entiti penyelidikan dimana ianya dilantik.
-

10. TUGAS-TUGAS AHLI DAN FELO PENYELIDIK

10.1 Tugas utama Ahli dan Felo Penyelidik adalah seperti berikut;

- a. Menjalankan penyelidikan dalam bidang yang berkaitan dengan kepakaran masing-masing dan bidang keutamaan sesuatu entiti penyelidikan.
 - b. Menerbitkan dan membentangkan hasil penyelidikan.
 - c. Membantu menyelia pelajar pascasiswazah jika diperlukan.
 - d. Membantu meningkatkan jaringan kerjasama entiti penyelidikan sama ada diperingkat kebangsaan dan antarabangsa.
-

11. KEMUDAHAN DAN SYARAT-SYARAT LANTIKAN AHLI DAN FELO PENYELIDIK

11.1 Ahli Penyelidik (AP)

- a. Lantikan Ahli Penyelidik tidak disertai dengan apa-apa imbuhan kewangan.
- b. Ahli Penyelidik boleh menggunakan kemudahan makmal dimana beliau dilantik. Walau bagaimanapun keperluan bahan-bahan pakai habis perlu dibiayai menggunakan geran penyelidikan masing-masing.
- c. Keperluan kos menjalankan penyelidikan termasuk perbelanjaan kerja lapangan adalah dibawah tanggungan Ahli Penyelidik yang dilantik.
- d. Ahli Penyelidik adalah terikat dengan semua peraturan Universiti.

11.2 Felo Penyelidik (FP)

- a. Lantikan Felo Penyelidik tidak disertai dengan apa-apa imbuhan kewangan Universiti.
 - b. Felo Penyelidik boleh menggunakan kemudahan makmal dimana beliau dilantik. Walau bagaimanapun keperluan bahan-bahan pakai habis perlu dibiayai menggunakan geran penyelidikan masing-masing.
 - c. Keperluan kos menjalankan penyelidikan termasuk perbelanjaan kerjalahangan adalah dibawah tanggungan Felo Penyelidik yang dilantik.
 - d. Felo Penyelidik akan diberi kemudahan pejabat seperti mana lain-lain kakitangan UMS.
 - e. Felo Penyelidik adalah terikat dengan semua peraturan Universiti.
 - f. Felo Penyelidik adalah bertanggungjawab kepada Dekan/Pengarah dimana beliau dilantik
-

12. PENAMATAN PERLANTIKAN AHLI DAN FELO PENYELIDIK

- 12.1 Ahli Penyelidik dan Felo Penyelidik yang telah dilantik boleh menarik diri dengan syarat beliau terlebih dahulu memberi notis sekurang-kurangnya satu bulan dari tarikh menamatkan lantikan.
- 12.2 Universiti boleh menamatkan lantikan Ahli dan Felo Penyelidik pada bila-bila masa dengan memberi sebulan notis secara bertulis.
- 12.3 Universiti boleh mengenakan suatu penalti terhadap Ahli dan Felo Penyelidik jika didapati cuai atau tidak berintegriti dalam menjalankan tugas dan aktiviti yang ditetapkan.

13. PENILAIAN PRESTASI ENTITI PENYELIDIKAN

13.1 Entiti-entiti penyelidikan dikehendaki menghantar pencapaian tahunan sebagai *output* melalui sistem pengurusan penyelidikan dan inovasi.

13.2 Sebuah Jawatankuasa akan dilantik oleh TNC (P&I) untuk melakukan penilaian dan pemantauan pencapaian Pusat Penyelidikan (RC) dan Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (CoE) yang telah ditubuhkan secara tahunan mengikut kriteria-kriteria berikut.

KRITERIA	ENTITI PENYELIDIKAN					
	Kumpulan Penyelidikan (RG)	Makmal Penyelidikan (RL)	Makmal Penyelidikan Diiktiraf (RRL)	Pusat Penyelidikan (RC)	Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (CoE)	HiCOE (Benchmark)
Bil. Ahli	3	5	5	10	20	Minima 5
Bil. Penerbitan WOS/SCOPUS/ ERA	2/staf	3/staf	4/staf	4/staf	4/staf	S&T: 6/staf, SS: 4/staf
Kuartil (Jumlah penerbitan Kuartil 1 (Q1) dan Kuartil 2 (Q2), terindeks Scopus	30%	40%	50%	60%	70%	70%, (WOS)
Sitasi terkumpul penerbitan terindeks (SCOPUS/WOS) dalam tempoh 5 tahun	S&T:15/staf/ tahun SS:5/staf/ tahun	S&T:30/staf/ tahun SS:10/staf/ tahun	S&T:40/staf/ tahun SS:15/staf/ tahun	S&T:65/staf/ tahun SS:20/staf/ tahun	S&T:75/staf/ tahun SS:30/staf/ tahun	S&T:200/staf/ tahun SS:100/staf/ tahun
Geran aktif (Kebangsaan/ Swasta/ Antarabangsa)	RM50k	RM250k	RM500K (RM350K Nasional, RM150K Antarabangsa)	RM1juta (RM700k Nasional, RM300K Antarabangsa)	RM2 juta (RM1.4 Juta Nasional, RM600K Antarabangsa)	S&T: RM60K/staf SS:RM20k/staf
Kolaborasi (RA/MOA/MoU Antarabangsa)	Tidak perlu	1	3	10	20	20
Pascasiswazah (MSc/PhD)	1 MSc	3 MSc, 3 PhD	10 MSc, 5 PhD	20 MSc, 10 PhD	40 MSc, 20 PhD	-
Perundingan/ Perkhidmatan/ Penjanaan/ Pengkomersialan	Tidak perlu	1 perundingan aktif dalam 5 tahun	1 perundingan aktif dalam 5 tahun	1 perundingan aktif dalam 5 tahun	1 perundingan aktif dalam 5 tahun	2 perundingan aktif dalam 5 tahun

KRITERIA	ENTITI PENYELIDIKAN					
Bil.PI	50% ahli adalah PI	60% ahli adalah PI	70% ahli adalah PI	80% ahli adalah PI	90% ahli adalah PI	20% adalah PI *GU, 30% adalah PI *GK, 20% adalah PI Industri dan 20% daripada ahli adalah PI *GA
Jangka Masa	Tiada	Tiada	Tiada	3-5 Tahun	5-7 Tahun	

13.3 Pemantauan bagi Kumpulan Penyelidik (RG), Makmal Penyelidikan (RL) dan Makmal Penyelidikan Diiktiraf (RRL) akan dilakukan oleh Fakulti/Akademi/Pusat di mana entiti-entiti penyelidikan ini bernaung. Entiti-entiti penyelidikan yang tidak mencapai kriteria-kriteria tersebut akan diberikan surat tunjuk sebab/amaran serta tempoh perlanjutan selama 6-12 bulan bagi memastikan penetapan output dicapai dan bakal berdepan dengan penurunan taraf dan ditutup sekiranya masih belum mencapai kriteria yang ditetapkan.

14. PENUTUP

- 14.1 Sehubungan itu, Garis Panduan Penubuhan dan Pengurusan Pusat Kecemerlangan UMS dan Garis Panduan Pengurusan Felo Penyelidik Bersekutu UMS serta mana- mana peruntukan dalam garis panduan berkaitan penubuhan dan pengurusan pusat-pusat kecemerlangan yang bertentangan dengan garis panduan ini adalah terbatal dengan sendirinya.
- 14.2 Garis Panduan dan mana-mana peruntukan yang tertulis dalam garis panduan ini adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi (JKPI) dan Pengurusan Tertinggi UMS. Naib Canselor UMS dan Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) boleh mengubah mana-mana bahagian dalam garis panduan ini dan akan dimaklumkan dalam JKPI dari semasa ke semasa.

LAMPIRAN 4

ISI KANDUNGAN KERTAS KERJA PENUBUHAN PUSAT KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN

1. TUJUAN
2. NAMA PUSAT
3. TAHUN/TARIKH PENUBUHAN
4. LATARBELAKANG
5. JUSTIFIKASI PENUBUHAN
6. OBJEKTIF PENUBUHAN
7. FUNGSI
8. FOKUS PENYELIDIKAN
9. SENARAI AHLI & PENCAPAIAN KOLEKTIF (1-5 tahun)
10. STRUKTUR ORGANISASI
11. IMPLIKASI SUMBER (Bagi Tempoh 5 Tahun)
 - a) Keperluan kakitangan
 - b) Keperluan kewangan
12. STRATEGI PELAKSANAAN
13. OUTCOME
14. MAKLUMAT TAMBAHAN (Jika ada)
 - a) Kepakaran staf/ penyelidik sedia ada
 - b) Makmal-makmal yang digunakan
 - c) Pertindihan Pusat dengan IPTA lain termasuk universiti luar negara
 - d) Agensi-agensi Kerajaan/Negeri dan Persekutuan serta Badan-Badan
 - e) Berkanun/ NGO yang ada kaitan dengan dengan Pusat
15. TARIKH PERAKUAN / KELULUSAN OLEH PIHAK PENGURUSAN UNIVERSITI
[Lampirkan dokumen kelulusan seperti berikut (jika ada)]
 - a) JK Pengurusan FAPI
 - b) JK Penyelidikan dan Inovasi
 - c) Mesyuarat Senat
 - d) Lembaga Pengarah Universiti (LPU)

LAMPIRAN 2

Prosedur Penubuhan *Recognised Research Lab*

Proses permohonan	<i>Person In-Charged</i>
Menerima lantikan sebagai Ketua Living Lab dari Dekan/Pengarah FAPI	Ketua Penyelidik
Menyediakan template kertas kerja penubuhan <i>recognised living lab</i> (Lampiran 1) dan emel permohonan kepada Pusat Ecocampus	Ketua Penyelidik
Membuat penilaian ke atas living lab untuk penarafan	Pusat Ecocampus PPP
Membawa kertas kerja penubuhan <i>recognised living lab</i> ke Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan & Inovasi	Dekan/Pengarah FAPI

*FAPI: Fakulti/Akademi/Pusat/Institut

*PPP: Pusat Pengurusan Penyelidikan

Prosedur Penubuhan Pusat Penyelidikan

Proses permohonan	<i>Person In-Charged</i>
Menyediakan template kertas kerja penubuhan pusat (Lampiran 1) dan emel permohonan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan	Dekan/Pengarah FAPI (Timbalan Dekan/Timbalan Pengarah FAPI)
Membuat penilaian ke atas pusat penyelidikan untuk penarafan	PPP
Membawa kertas kerja penubuhan pusat penyelidikan ke Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan & Inovasi	Dekan/Pengarah FAPI
Membawa kertas kerja penubuhan pusat penyelidikan ke Mesyuarat Senat	Dekan/Pengarah FAPI
Membawa kertas kerja penubuhan pusat penyelidikan ke Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

*FAPI: Fakulti/Akademi/Pusat/Institut

*PPP: Pusat Pengurusan Penyelidikan